

Dana ASM ditambah

Oleh Suhaiza Abu Bakar

BH - 6 JUN 2000

KOTA BHARU, Isnin - Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan penambahan dana Amanah Saham Malaysia (ASM) sebanyak 1,000 juta unit, menjadikan jumlah keseluruhan dana itu sebanyak 3,000 juta unit.

Sehubungan itu, pelabur yang ingin membuat pelaburan dalam skim ASM berkenaan boleh berbuat demikian di mana-mana ejen yang dilantik di seluruh negara termasuk pe-

jabat pos, mulai esok.

Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk Hamad Kama Piah Che Othman berkata, peruntukan tambahan sebanyak 1,000 juta unit itu berikutan dana sedia ada sebanyak 2 bilion habis dijual dalam tempoh 20 hari membabitkan 253,514 pelabur.

Katanya, penambahan dana itu akan dilancarkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di sebuah hotel di

sini, esok.

Ia diharap dapat memberi peluang kepada orang ramai yang belum berkesempatan melabur dalam skim ini yang diperkenalkan pada April lalu.

ASM pertama dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 20 April lalu dengan peruntukan sebanyak 2,000 juta unit sudah habis dijual sepenuhnya sehingga 10 Mei lalu.

"Berikutan minat yang

tinggi terhadap ASM, mendorong PNB menambah 1,000 juta unit lagi untuk memberi peluang kepada orang ramai melabur atau meningkatkan jumlah pelaburan semasa," katanya pada sidang akhbar di sini.

Beliau berkata, Selangor adalah negeri tertinggi jumlah pelaburan dengan RM352 juta membabitkan 43,063 pelabur, Wilayah Persekutuan RM256.9 juta (32,625 pelabur), Sarawak RM318 juta (29,975 pela-

bur), Sabah RM198.5 juta (22,468 pelabur) dan Perak RM168 juta (25,933 pelabur).

Katanya, Kelantan hanya menduduki tangga ke 10 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM74.2 juta membabitkan 9,782 pelabur.

Hamad Kama Piah berkata, sejak pelaburan ASM dilancarkan, kumpulan pelajar adalah pelabur terbesar iaitu sebanyak 43 peratus, diikuti surirumah (14 peratus), kerani (11 peratus) dan ber-

1,000 juta unit

niaga sendiri/rakan kongsi (10 peratus).

"Ini disebabkan kesedaran di kalangan pelajar untuk melabur dan juga mungkin ibu bapa yang menggalakkan anak mereka membuat pelaburan jangka panjang ini untuk masa depan mereka," katanya.

ASM adalah produk saham amanah yang pertama seumpamanya di negara ini yang menawarkan peluang pelaburan kepada rakyat yang berusia enam

bulan ke atas.

Menurut Hamad Kama Piah, kesedaran mengenai kepentingan melabur di peringkat usia awal untuk mendapat pulangan yang berpatutan dalam jangka panjang adalah faktor pendorong mengapa unit ASM habis dilangan.

Katanya, penambahan dana ASM dibuat untuk memberi peluang kepada mereka yang tidak berkesempatan melabur dalam ASM yang dilancarkan se-

belum ini.

PNB juga mengucapkan terima kasih kepada lebih tujuh juta pelabur terhadap sokongan mereka membuat pelaburan dalam pelbagai skim yang diperkenalkan sejak 19 tahun lalu.

Selain ASM, ada pelbagai skim lagi yang diperkenalkan seperti Amanah Saham Nasional (ASN), ASN 2, Amanah Saham Wawasan (ASW) 2020, Amanah Hartanah PNB dan Amanah Saham Bumiputra (ASB).